

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PEMENANG RBC 2.0
TAHUN 2024

PADA

21 JANUARI 2025 (SELASA)

LOKASI

HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.
SALUTASI

(Akan disediakan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Orang dulu-dulu berpesan "*Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan."* Hari ini, saya berbesar hati berdiri di hadapan anda semua - bukan sekadar untuk meraikan kejayaan, tetapi untuk meneguhkan tekad bahawa **Usahawan Desa** adalah pemacu perubahan dan masa depan ekonomi negara.

2. Dalam dunia yang semakin mencabar, kejayaan tidak hanya bergantung pada modal dan tenaga kerja sahaja - tetapi juga pada keberanian untuk berubah dan kebijaksanaan dalam merebut peluang. Sebagai Kerajaan, *We will always be here to support.* Kami komited memastikan Usahawan Desa terus berkembang, berdaya saing, dan mampu menembusi pasaran global.

3. Lihat sahaja **Belanjawan 2025**, yang telah memperuntukkan **RM45.6 bilion** khusus untuk memperkasa **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)**, termasuk akses pembiayaan, pendigitalan, serta inovasi.

4. Malah pada tahun 2024 sahaja, Kerajaan MADANI telah memperuntukkan sebanyak **RM15.11 bilion untuk melaksanakan 270 program keusahawanan, yang memberi manfaat kepada hampir 500,000 penerima.**

5. Namun, segala bentuk bantuan hanya akan bermakna jika disertai usaha gigih, daya tahan, dan kesanggupan untuk terus belajar dan beradaptasi dengan perubahan.

6. Maka hari ini, saya hadir ke **Majlis Anugerah *Rural Business Challenge* (RBC) 2.0**, bukan hanya nak menyampaikan sebuah anugerah - tetapi untuk bertemu dengan insan-insan hebat - Usahawan Desa yang berani berinovasi, bersemangat juang, dan penuh keazaman bagi mengubah sebuah kehidupan.

RBC 2.0: MENCIPTA USAHAWAN, MEMBINA MASA DEPAN

7. Sejak 2012, **Rural Business Challenge (RBC)** telah menjadi **platform emas** untuk mengangkat **Usahawan Desa**, membimbing mereka dari impian ke realiti perniagaan. Melalui pertandingan rancangan perniagaan ini, kita bukan sahaja melahirkan usahawan - tetapi mencipta peluang pekerjaan, memperkasa ekonomi desa dan merapatkan jurang bandar-desa.

8. Melihat impak besar RBC, KKDW mengambil langkah lebih berani dengan memperkenalkan **RBC 2.0 pada 2023** - bukan sekadar penambahbaikan, tetapi satu **transformasi keusahawanan**. Hasilnya? **1,737 penyertaan** dari seluruh negara mohon. Rasa macam dah sama macam penyertaan rancangan realiti *One in A Million* dan Akademi Fantasia.

9. Ia telah melalui proses penilaian yang ketat dan hanya **45 yang terbaik** dipilih – yang saya lihat berpotensi dan bersedia untuk **menjadi pemimpin industri desa**.

10. Saya tahu, memilih yang terbaik daripada ribuan peserta bukan tugas mudah. Maka, saya ingin merakamkan **penghargaan kepada 149 panel penilai** yang telah menyumbangkan kepakaran mereka – mewakili **pelbagai kementerian, agensi dan industri.**

USAHAWAN DESA: KKDW SEBAGAI AGEN PERUBAHAN EKONOMI

Hadirin sekalian,

11. **Inovasi adalah kunci ekonomi moden.** Melalui inovasi kita dapat mencipta produk dan perkhidmatan baharu serta pada masa yang sama kita mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan, merancakkan pertumbuhan ekonomi, dan mengurangkan kadar pengangguran.

12. Jadi, pada hemah saya, Usahawan Desa bukanlah sekadar berniaga, **tetapi adalah agen perubahan.** Sebagai Menteri KKDW, saya dan pasukan komited merapatkan jurang bandar
- desa dengan menjadikan keusahawanan sebagai **teras pembangunan luar bandar**.

13. Fokus kami bukan hanya infrastruktur, tetapi membina ekosistem keusahawanan desa yang kukuh. Kami mahu melahirkan lebih ramai Usahawan Desa yang bukan sekadar bertahan, tetapi menjadi pemimpin ekonomi tempatan dan menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan luar bandar.

14. Malah, pada Permukiman KKDW yang baru selesai Ahad lalu, kami telah memperhalusi **Agenda Transformasi Desa**, termasuk langkah strategik keusahawanan dengan mewujudkan **Jawatankuasa Pembangunan Usahawan KKDW** - yang menyatukan semua program dan inisiatif keusahawanan di bawah satu bumbung.

15. Kami juga telah melaksanakan **Dashboard Usahawan KKDW - satu aset baharu Kementerian -** yang membolehkan pemantauan *real-time* terhadap penerima bantuan, memastikan sumber diagihkan secara adil, dan menilai impak program dengan lebih tepat

16. Semua inisiatif ini adalah *game changer*. KKDW mahu mencipta peluang dan membentuk usahawan desa yang lebih berdaya saing, lebih inovatif, dan mampu menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

STRATEGI MEMACU KEJAYAAN USAHAWAN DESA

Hadirin sekalian,

17. Dalam dunia perniagaan yang pantas berubah, usahawan desa tidak boleh sekadar bertahan – tetapi perlu berani berkembang dan mendahului pasaran. Saya ingin melontarkan beberapa strategi utama yang perlu diadaptasi oleh semua usahawan.

    i. Pertama, **kuasai platform digital**. Tidak cukup sekadar berniaga secara tradisional - usahawan mesti aktif di **TikTok, Instagram, Facebook dan platform e-dagang lain seperti Shopee dan Lazada**. Ia boleh diperkasakan lagi dengan penggunaan **iklan digital dan automasi AI** yang mampu meningkatkan capaian pasaran dengan kos yang lebih rendah.

ii. Kedua, **tingkatkan kemahiran dan ilmu perniagaan**. Saya mahu lebih ramai lagi Usahawan Desa menyertai kursus keusahawanan digital yang ada di MARA, MDEC dan agensi-agensi keusahawanan lain. Mencari mentor atau menyertai rangkaian usahawan juga dapat membuka peluang kolaborasi dan akses kepada pengalaman yang lebih luas.

iii. Ketiga, Usahawan Desa mestilah **bangunkan jaringan dan kerjasama strategik**. Anda tidak boleh bergerak sendirian. Sebaik-baiknya perlu bergabung dengan perniagaan lain yang saling melengkapi. Kolaborasi dengan syarikat tempatan atau antarabangsa boleh membantu menembusi pasaran baharu dan *go global.*

iv. Keempat, **jadikan inovasi sebagai keutamaan**. Usahawan yang berjaya adalah mereka yang sentiasa mencari cara untuk menambah nilai kepada pelanggan. Gunakan pendekatan *niche market* dan langganan produk untuk mencipta keunikan dan permintaan berterusan.

v. Akhir sekali, anda mesti **berani meneroka pasaran luar**. Sertai ekspo dan pameran antarabangsa seperti **MIHAS dan Expo Antarabangsa** lain untuk membawa produk tempatan ke peringkat global. MIHAS@Dubai baru-baru ini yang saya hadiri telah berjaya **mencatat kejayaan luar biasa melalui jualan eksport bernilai RM2.2 bilion.**

18. *Success does not come to those who wait, but to those who take action.* Inilah masanya untuk usahawan desa bangkit, menyesuaikan diri, dan menjadi pemacu ekonomi Malaysia!

PENUTUP

Hadirin sekalian,

19. Hari ini bukan sekadar sebuah majlis - tetapi sebuah permulaan. Permulaan yang bakal menjadi inspirasi buat seluruh komuniti usahawan desa yang bercita-cita untuk maju dan berkembang.

20. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua usahawan yang berjaya hari ini. Bagi yang belum berjaya, ketahuilah Steve Jobs pernah dipecat dari syarikat yang beliau sendiri bina. Jack Ma pernah ditolak berkali-kali sebelum membina empayar Alibaba. Colonel Sanders gagal lebih dari 1,000 kali sebelum KFC berjaya.

21. Tetapi mereka tidak berhenti. Kerana kegagalan bukan noktah, tetapi batu loncatan menuju kejayaan. Bangkit, terus mencuba, dan buktikan bahawa usaha tanpa putus asa adalah kunci sebenar kejayaan.

22. Dalam dunia keusahawanan, kejayaan bukan destinasi akhir, tetapi sebuah perjalanan yang menuntut keberanian, ketahanan, dan keazaman. Masa depan ekonomi desa tidak ditentukan oleh orang lain - tetapi oleh kita sendiri. Saya doakan semoga usaha anda semua diberkati Allah SWT dan dapat melakar kejayaan di masa hadapan. InsyaAllah.

23. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini merasmikan Majlis Anugerah Pemenang RBC 2.0 Tahun 2024.

Sekian.